

29/06/1997

Beirut bangun kembali

Farush Khan

SEBELUM peperangan pada pertengahan tahun 70-an, Lebanon sebenarnya negara yang cantik. Penduduk kosmopolitannya dikenali sebagai antara masyarakat yang paling bahagia di dunia Arab.

Orang Lebanon terkenal sebagai ahli perniagaan yang bijak dan dapat menyesuaikan diri dengan orang luar hingga dikatakan mampu menjadi orang tengah dalam menyelesaikan persengketaan negara-negara Timur Tengah lain.

Pelabuhan utamanya, ibu negaranya Beirut menjadi pusat persinggahan negara-negara jiran seperti Syria, Jordan dan Iraq. Beirut juga menjadi pusat perbankan Timur Tengah dan tempat bermastautin peniaga yang dikatakan mampu mengendalikan sebarang jenis perniagaan.

Disebut sebagai "Mahkota Meditteranean timur" Lebanon juga dikenali sebagai "kawasan permainan" orang kaya yang gemar kepada cita rasa Perancis.

Malangnya, segala-galannya kini sudah berubah. Peperangan saudara yang berlarutan selama 17 tahun menukar Lebanon kepada negara yang dihimpit tragedi dan porak peranda.

Pertubuhan Pembebasan Palestin (PLO), askar Syria, pasukan pendudukan Israel, pasukan kawalan keamanan Barat dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mempunyai fungsi sewaktu peperangan sengit itu.

Mengikut urutan sejarah, Lebanon tidak banyak mengambil bahagian dalam peperangan Arab-Israel pada 1948 dan 1956 serta tidak langsung terbabit dalam peperangan 1967 dan 1973. Bagaimanapun, pergaduhan antara pejuang Islam, Druze, Kristian dan pasukan bersenjata Palestin mengheret Lebanon ke kancah peperangan saudara pada 1958 dan sekali lagi pada 1975.

Serangan oleh PLO merentasi sempadan Israel pada 1969 dan 1973 menyebabkan tindak balas pasukan bersenjata Israel dan Lebanon, yang dipimpin oleh orang Kristian daripada parti sayap kanan, Falangist.

Pada 1980, ada 33 pasukan askar persendirian dan dua tahun kemudian, Presidennya yang mewakili Parti Falangist, Bachir Gernmayel, dibunuh cuma tiga minggu selepas memegang jawatan itu.

Beirut mula berpecah. Kristian mengawal sebelah timur, Islam di barat, Islam sunni kuat di Tripoli dan Syiah di Beqaa dan selatan, sementara Druze di pergunungan Chouf.

Druze adalah kumpulan yang mendakwa diri mereka Islam, percaya hari kiamat, tetapi tidak berpuasa pada bulan Ramadan dan tidak menunaikan haji. Malah, mereka menunjukkan sikap permusuhan sama ada dengan orang Islam atau Kristian.

Kerajaan sah Lebanon ketika itu hampir tidak mempunyai kuasa langsung. Inflasi memuncak, negara menanggung hutang yang banyak. Orang Lebanon melawan Lebanon. Di negara di mana tembakan, pengeboman, penculikan dan pembunuhan bermaharajalela, matlamat utama rakyatnya ialah untuk terus hidup.

Dengan segala hakikat tragis dalam fikiran, barangkali kita tidak dapat mengelak soalan mengenai tujuan di sebalik keputusan Kerajaan Malaysia untuk meningkatkan perhubungan ekonomi dengan Lebanon, disokong dengan lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad serta rombongan 35 ahli perniagaan pertengahan bulan ini.

Jawapannya mudah. Di samping sifat kasihan dengan keperitan yang dialami oleh Lebanon kerana peperangan saudara yang panjang itu, Malaysia sedar Lebanon mula bangun kembali dan meletakkan asas ke arah mencapai keamanan kekal di dalam negeri dan di wilayah Timur Tengah.

Perlu disebut di sini bahawa Lebanon adalah antara negara pertama Malaysia mengadakan perhubungan diplomatik. Juga ada hubungan dua hala di peringkat pegawai dan komersil sejak tahun 60-an. Malaysia menubuhkan pejabat perdagangannya di Beirut pada 1968.

Kumpulan 35 ahli perniagaan Malaysia dan 14 wartawan yang menyertai rombongan Perdana Menteri dalam lawatan rasmi tiga hari ke Lebanon pertengahan bulan ini menyaksikan kesan pengalaman pahit kerana peperangan yang panjang itu... bekas peluru pada dinding di merata tempat, bangunan yang runtuh serta kanak-kanak mengemis di jalan.

Tetapi, pada masa yang sama, kami juga melihat semangat rakyat Lebanon untuk melepaskan diri daripada cengkaman kesengsaraan dan zaman murung yang penuh kepahitan. Kesungguhan mereka untuk meletakkan ekonomi mereka di tempat yang sepatutnya amat ketara. Ini dibuktikan dengan kerja pesat yang sedang dilaksanakan untuk membaik pulih bangunan di Daerah Pusat Beirut yang hampir menjadi padang jarak padang tekukur.

Menurut pusat data Dewan Perniagaan dan Industri Beirut, pertumbuhan Kadar Dalam Negara Kasar (KDNK) Lebanon, walaupun rendah jika diambil sebagai bandingan, menunjukkan pemulihan ekonominya berjalan pada kadar yang boleh diterima.

Ekonomi Lebanon 70 peratus lebih besar dalam nisbah sebenar pada hujung 1996 daripada nisbah sebenar pada 1990, tahun peperangan dalamannya tamat.

Kedudukan ini, disokong oleh bukti lain pertumbuhan yang menggalakkan, memberi rangsangan kepada peniaga Malaysia untuk mewujudkan usaha sama dengan rakan perniagaan mereka di Lebanon.

Dalam lawatan rasmi ini - yang pertama pernah diadakan oleh Perdana Menteri Malaysia - Proton Berhad menandatangani perjanjian edaran dengan Malaysia Lebanese Trading House Ltd di Beirut, dengan disaksikan oleh Dr Mahathir.

Pada majlis yang sama, Premier Equity (Cayman) Ltd menandatangani perjanjian dengan syarikat Lebanon untuk pembangunan dan pembinaan semula Daerah Pusat Beirut, SAL (SOLIDERE) untuk pembelian sebidang tanah yang strategik.

Premier Equity bercadang membangunkan sebuah hotel lima bintang dan bilik bangunan perkhidmatan di kawasan itu.

Malaysia Airlines yang sudah mempunyai penerbangan terus Kuala Lumpur-Beirut tidak lama dulu, sedang berusaha menjadikan lapangan terbang Beirut pusat operasi kawasan Timur Tengah dan Afrika Utara.

Peniaga lain yang turut dalam rombongan itu juga sedang mengkaji potensi di Lebanon sebelum membuat sebarang komitmen.

Bagi peniaga Lebanon, lawatan Dr Mahathir memberikan mereka harapan untuk menarik pelabur daripada Asia ke negara mereka. Bagi mereka Malaysia adalah sebuah "model ke arah kecemerlangan ekonomi".

Dengan output tahunan sebanyak AS96.2 bilion (RM230 billion), ekonomi Malaysia adalah lapan kali lebih tinggi daripada kadar pertumbuhan ekonomi Lebanon dan meningkat dua kali lebih cepat.

Dari segi kewangan, Malaysia dan Lebanon menganggap kestabilan mata wang dan inflasi sebagai perkara penting.

Ekonomi kedua-dua negara juga menikmati aliran modal pada kadar yang tinggi. Bezanya sementara di Malaysia tabung itu digunakan untuk industri teknologi tinggi pengeluaran kereta dan alat elektrik, di Lebanon ia diarahkan kepada pasaran bil perbendaharaan dan hartanah.

Pada keseluruhannya, lawatan rombongan Perdana Menteri itu memberi kedua-dua pihak kesempatan untuk merapatkan hubungan dan mewujudkan peluang baru perdagangan.

Namun yang lebih penting ialah ia memberi pengajaran kepada kita semua mengenai apa yang boleh berlaku kesan persengketaan dan permusuhan di kalangan rakyat.

(END)